



COMMERCE DEPARTMENT

DPB 50163- BUSINESS PROJECT SESSION: 1 2022/2023

MauSihat

DLS5B

BIL	NAMA	NO. PENDAFTARAN
1	NUR AIN ZULAIKHA BINTI CHE MAHHADER	10DLS20F1025
2	TAN TENG OON	10DLS20F1037
3	NUR AMIRAH NAFISAH BINTI MOHD NAZIR	10DLS20F1009
4	NUR FATIN ADILLAH BINTI SUTIJAJI	10DLS20F1008
5	SUNEETHA A/P AH CHAN	10DLS20F1029

NAMA PENSYARAH: PUAN ZUHAIKHA BINTI ABDUL HADI

NAMA PENYELIA: CIK FARAH WAHIDA BINTI RABU

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	iv
PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR.....	v
PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR	vi
PERAKUAN PELAJAR	vii
RINGKASAN EKSEKUTIF	ix
BAB 1	1
Pengenalan.....	1
1.1. Pendahuluan	1
1.3. Pernyataan Masalah	3
1.4. Objektif Projek.....	6
1.5. Persoalan Projek	6
1.6. Justifikasi Projek.....	7
1.7. Skop Projek.....	8
1.8. SWOT Analisis	9
1.9. Kepentingan Projek	10
1.9.2. Kepentingan kepada Peniaga.....	10
1.9.3. Kepentingan kepada Kerajaan.....	10
1.10. Definisi Istilah	11
1.11. Rumusan.....	12
BAB 2	13
KAJIAN LAPANGAN.....	13
2.1 Pendahuluan	13
2.2. Kajian Terdahulu.....	13
2.3. Rumusan	18
BAB 3	19
METODOLOGI.....	19
3.1. Pendahuluan	19
3.2. Reka Bentuk Projek	19
3.2.1. Perkakasan dan perisian bagi pembangunan aplikasi MauSihat	19
3.2.2. Langkah-Langkah Pembangunan Laman Web Mausihat	20
3.3.3. Langkah Penggunaan Laman web MauSihat	23
3.3. Kajian Rintis.....	27
3.3.1. Maklumbalas Kajian Rintis	27
3.4. Penambahbaikan Produk	27

3.5.	Kaedah Analisa Data	28
3.5.1.	Kaedah Kualitatif.....	28
3.5.2.	Kaedah Kuantitatif	28
3.6.	Rumusan	28
BAB 4	29	
ANALISI DAPATAN PROJEK INOVASI.....	29	
4.1.	PENDAHULUAN.....	29
4.2.	ANALISIS SITUASI.....	29
4.2.1.	ANALISIS DAPATAN SOAL SELIDIK PROJEK INOVASI DIHASILKAN	30
4.2.2.	ANALISIS DAPATAN SOAL SELIDIK SELEPAS PROJEK INOVASI DIHASILKAN.	32
4.2.3.	ANALISIS DAPATAN KAJIAN PERINGKAT PERTAMA	34
4.2.4.	ANALISIS DAPATAN KAJIAN PERINGKAT KEDUA	35
4.4	ANALISIS KEWANGAN.....	37
4.3.1.	Kos Penghasilan Projek.....	37
4.3.2.	Kos Penghasilan Projek Per Unit	37
4.3.3.	Peletakan Harga Projek	37
4.3.4.	Justifikasi Kos Pelaksanaan Projek	38
4.4.	Impak Produk.....	38
a)	Impak Produk Terhadap Masa	38
b)	Impak Produk Terhadap Kos	39
c)	Impak Terhadap Keberkesanan Penggunaan Produk	39
4.5.	PENGGOMERSIALAN	40
4.6.	RUMUSAN BAB	40
BAB 5	41	
KESIMPULAN DAN CADANGAN	41	
5.2.	KESIMPULAN KESELURUHAN PROJEK INOVASI	41
5.3.	CADANGAN.....	43
5.3.1.	Cadangan Penambahbaikan Projek Inovasi.....	43
5.3.2.	Cadangan Pengkomersialan Projek Inovasi	44
5.4.	LIMITASI PROJEK.....	44
5.5.	RUMUSAN	44
RUJUKAN.....	46	

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dari aspek ilmu pengetahuan, kemahiran, bantuan tenaga, psikologi dan juga bantuan dari segi lain yang tidak ternilai bagi menyediakan projek akhir pelajar untuk kursus DPB50133 Business Project yang bertajuk 'MauSihat' bagi sesi 1 2022/2023.

Penghargaan ini diucapkan bagi menghargai sumbangan dan bantuan kepada pihak yang terlibat serta menyanjungi sumbangan dan bantuan mereka. Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada mereka dalam penghasilan laporan akhir projek pelajar untuk kursus DPB50133 Business Project, 'MauSihat' bagi program Diploma Pengurusan Logistik dan Rangkaian Bekalan, Politeknik Seberang Perai, Sesi Disember 2020.

PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR

Laporan Akhir Projek Pelajar bagi kursus DPB 50163 Business Project, Sesi 1 2022/2023 ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat program Diploma Pengurusan Logistik dan Rangkaian Bekalan di Politeknik Seberang Perai. Dengan ini, semua ahli kumpulan projek ini bersetuju untuk membenarkan pihak Jabatan Perdagangan mempamerkan laporan akhir projek pelajar ini sebagai sumber rujukan pada masa hadapan.

Sebagai bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersil adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada ahli kumpulan asal, penyelia ataupun penyelaras. Kebenaran daripada Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang diperlukan sekiranya projek ini dirujuk sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya. Kebenaran hendaklah dipohon melalui:

Ketua Jabatan

Jabatan Perdagangan

Politeknik Seberang Perai,

Jalan Permatang Pauh,

13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang.

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR

Laporan projek ini yang bertajuk “*MauSihat*” telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan seperti yang telah ditetapkan.

Disemak Oleh:

Nama Penyelia : **CIK FARAH WAHIDA BINTI RABU**

Tandatangan Penyelia :

Tarikh :

Disahkan Oleh:

Nama Penyelaras : **PUAN ZUHAIRAH BINTI ABDUL HADI**

Tandatangan Penyelaras :

Tarikh :

PERAKUAN PELAJAR

“Kami mengakui bahawa laporan ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan yang setiap satunya telah kami jelaskan sumbernya.”

1. Tandatangani : *AinZulaikha*

.....

Nama : NUR AIN ZULAIKHA BINTI CHE MAHHADER

No. Pendaftaran : 10DLS20F1025

2. Tandatangani : *TanTengOon*

.....

Nama : TAN TENG OON

No. Pendaftaran : 10DLS20F1037

3. Tandatangani : *AmirahNafisah*

.....

Nama : NUR AMIRAH NAFISAH BINTI MOHD NAZIR

No. Pendaftaran : 10DLS20F1009

4. Tandatangan : *FatinAdillah*
.....
Nama : NUR FATIN ADILLAH BINTI SUTIJAJI
No. Pendaftaran : 10DLS20F1008

5. Tandatangan : *Suneetha*
.....
Nama : SUNEETHA A/P AH CHAN
No. Pendaftaran : 10DLS20F1029

RINGKASAN EKSEKUTIF

Penghujung tahun 2022 merupakan tahun dimana peralihan dari fasa ‘Pandemik’ ke ‘Endemik’. Hal demikian juga terus membawa kembali kepada pembukaan sepenuhnya sektor-sektor industri termasuk kemasukan kembali mahasiswa-mahasiswa Institut Pengajian Tinggi tidak kira awam atau swasta. Jika dahulu, aktiviti pembelajaran dijalankan secara maya ataupun secara atas talian. Tetapi pada tahun 2022, semua aktiviti pembelajaran termasuk aktiviti kokurikulum yang ditangguhkan selama 2 tahun telah mula diaktifkan kembali secara fizikal. Justeru itu, dengan kembalinya para pelajar ke kolej di fasa endemik ini, kita juga perlu bersiap siaga dan tidak mengambil ringan akan setiap ‘SOP’ yang disediakan oleh pihak berkuasa seperti sentiasa menjaga jarak fizikal.

Bagi situasi di politeknik, kesusahan bagi menjaga jarak fizikal seringkali berlaku ketika pelajar membeli makanan di kafe dan kantin. Jumlah pelajar yang ramai dan ruang makan yang sedikit telah menyukarkan para pelajar untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan pada sesuatu masa. Selain itu, semasa PKP penambahan bilangan pelajar yang mengalami obesiti juga meningkat asbab kurangnya pengetahuan tentang amalan gaya hidup sihat. Pelajar terdedah dengan pengambilan kalori yang berlebihan tanpa mengira akibat akan datang. Oleh asbab itu, satu idea berkaitan perkhidmatan penempahan makanan yang memberi penekanan kepada amalan gaya hidup sihat secara atas talian telah dibina iaitu laman web ‘MauSihat’ di Politeknik Seberang Perai.

Laman web ini bukan sahaja bertujuan memudahkan pelajar dan penjual makanan untuk menyelesaikan permasalahan yang sering terjadi, malahan dapat menjadi satu alternatif kepada para pelajar untuk mengamalkan gaya hidup sihat. Hal ini kerana. Laman web ‘MauSihat’ dilengkapi dengan kemudahan pengiraan kalori bagi setiap menu yang disediakan. Bahkan, ianya mempunyai cadangan senaman ringan bagi membakar jumlah kalori yang diambil setiap hari. Ini dapat menggalakkan pelajar melakukan senaman dan kekal aktif sepanjang hari. Objektif kajian ini dijangka dapat meningkatkan sistem penempahan makanan di kafe dan menyumbang kepada sahsiah kesihatan para pelajar di Politeknik Seberang Perai.

BAB 1

PENGENALAN

1.1. Pendahuluan

Bab ini membahas tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, skop kajian dan justifikasi kajian. Bab ini juga membincangkan tentang Laman Web ‘MauSihat’.

Selain dari itu, inovasi di Laman Web ‘MauSihat’ ini bertujuan membantu mahasiswa untuk memesan makanan di kafe yang berada dalam Politeknik Seberang Perai dalam kuantiti kalori yang diperlukan dalam sehari mengikut bmi setiap pelajar.

1.2. Latar Belakang Projek

Di era kepesatan teknologi yang serba canggih dan berdaya saing, kehidupan rakyat Malaysia juga kini menginjak ke arah inovasi yang setaraf dengan gaya hidup kini iaitu mementingkan hal yang pantas, ringkas dan efektif. Bahkan dalam pemilihan menu makan juga, rakyat Malaysia lebih mengutamakan makanan yang sedia untuk dimakan berbanding memasak sendiri makanan untuk mengisi perut. Ini telah menyebabkan kebanyakan rakyat Malaysia mempunyai BMI yang berlebihan (Haque et al., 2017). BMI yang berlebihan ini telah memberi risiko yang sangat tinggi kepada rakyat Malaysia untuk menghidap Obesiti. Kekurangan pengetahuan tentang makanan yang seimbang telah menyebabkan rakyat Malaysia berisiko besar berhadapan dengan penyakit kronik tanpa mereka sendiri sedari (Iddrisu et al., 2022).

Pengambilan makanan yang seimbang adalah amat penting bagi setiap individu tidak kira kanak-kanak mahupun dewasa. Hal ini kerana, makanan yang seimbang dan berkhasiat dapat membekalkan nutrien yang diperlukan oleh tubuh badan kita. Kalori pemakanan yang dicadangkan adalah berdasarkan tenaga yang kita perlukan untuk menyiapkan tugas sehari (Lim, 2018). Kalori yang diperlukan oleh kanak-kanak lelaki yang berusia 2-8 tahun adalah di antara 1307 kcal-1875 kcal manakala untuk perempuan adalah 1467 kcal- 1736 kcal. Bagi remaja lelaki yang berusia 9 tahun hingga 18 tahun kalori yang diperlukan adalah di antara 1923 kcal hingga 2427 kcal, manakala bagi perempuan adalah 1803 kcal hingga 2281 kcal. (Hui et al., 2017).

Senaman juga adalah salah satu komponen yang penting untuk memastikan tubuh badan kita sentiasa sihat. Dengan bersenam, kita dapat melancarkan lagi peredaran darah dalam badan (Komuniti & Gajah, n.d.). Kita dapat meningkatkan kecergasan otak juga apabila kita bersenam. Otak yang cergas akan membuat kita berfikir dengan lebih cepat (Penyelidikan & Jilid, 2016). Terutamanya terhadap remaja yang masih belajar dan orang yang tengah bekerja, senaman sangat penting. Walaupun masa untuk belajar dan bekerja sudah mengambil banyak masa dalam satu hari, tetapi senaman harus dibuat setiap minggu sekurang-kurangnya 3 kali.

Teknologi semakin moden pada era globalisasi ini. Pada zaman kini, teknologi semakin berkembang. Hampir semua warganegara Malaysia mempunyai telefon bimbit sendiri ataupun gajet yang moden dalam tangan (Rahman et al., 2022). Gajet-gajet ini telah memudahkan proses order makanan kita. Pada masa yang sama, permintaan pengguna terhadap aplikasi-aplikasi juga meningkat. Kekekapan penggunaan telefon bimbit meningkat secara drastik baru-baru ini (Hu et al., 2020) Sejak gajet ini menjadi barang keperluan kita, banyak saudagar mengambil peluang ini untuk membuat aplikasi memesan makanan secara atas talian. Walaupun sudah banyak wujudnya aplikasi pemesanan makanan secara atas talian yang lain, ianya masih tidak dapat diguna pakai untuk menjadi satu garis panduan penjagaan kesihatan kepada penggunanya.

Inovasi laman web ini adalah berdasarkan aplikasi pemesanan makanan atas talian dengan menitikberatkan nilai kalori makanan dalam kalangan pelajar Politeknik Seberang Perai. Laman web inovasi ini juga akan dilengkapi dengan cadangan senaman dan kiraan 'Body Mass Index' (BMI) kepada pengguna supaya kesihatan pengguna dapat dijaga.

1.3. Pernyataan Masalah

Dalam era globalisasi ini, pengiraan jumlah kalori yang diambil seharian dan aktiviti senaman untuk mengurangkan kalori yang diambil sering diabaikan oleh semua individu terutamanya pelajar. Individu cenderung mengambil makanan tenaga melebihi keperluan yang menyebabkan bacaan indeks jisim badan (BMI) menjadi tidak normal. Namun begitu, setiap individu mempunyai keperluan kalori yang berbeza, bergantung kepada jantina, umur, berat badan semasa dan aktiviti fizikal seharian. Oleh itu, laman web memesan makanan dilengkapi ciri istimewa yang menunjukkan jumlah kalori setiap makanan sangat diperlukan oleh pengguna.

Tujuan para pelajar menggunakan laman web memesan makanan yang juga menunjukkan jumlah kalori setiap makanan di kafe politeknik ini adalah untuk mengamalkan amalan gaya hidup sihat dan tidak mengambil kalori yang berlebihan dalam sehari. Secara umumnya, mencegah penyakit seperti obesiti mudah tetapi pelaksanaannya sukar kerana terpaksa mengawal pengambilan kalori melalui pemakanan dan minuman, selain daripada meningkatkan penggunaan tenaga menerusi aktiviti fizikal. (Osman Lisut, 2018)

Terdapat beberapa kesukaran bagi pelajar yang sentiasa kekurangan masa untuk mengetahui jumlah kalori makanan seharian mereka kerana harus menyiapkan tugas atau perlu menghadiri kelas. Perkara asas yang terpaksa dilakukan oleh pelajar Politeknik Seberang Perai adalah makan makanan yang dijual di kafe politeknik yang kebanyakannya adalah makanan segera dan makanan ringan yang tinggi jumlah kalornya.

Masalah yang dihadapi oleh para pelajar ialah:

- 1) Penambahan bilangan pelajar yang mengalami obesiti. (Rujuk Rajah 1.3.(a))
- 2) Tidak mengetahui jenis senaman yang perlu dilakukan untuk membakar kalori berlebihan. (Rujuk Rajah 1.3.(b))
- 3) Kurangnya ilmu pengetahuan tentang kepentingan pengiraan kalori dalam pemakanan seharian. (Rujuk Rajah 1.3.(c))

Seterusnya, berlakunya situasi dimana pelajar-pelajar tidak mempunyai pilihan lain selain daripada membeli makanan di kafe politeknik pada setiap hari. Situasi ini berlaku kerana pelajar yang berada di asrama tidak berkesempatan untuk keluar daripada politeknik untuk

membeli makanan yang lebih berkhasiat kerana tiada pengangkutan. Sekiranya mereka menggunakan GrabCar, cas pengangkutan juga agak mahal untuk keluar pada setiap hari. Tanpa disedari, corak pengambilan makanan harian menunjukkan secara jelas tahap kesihatan seseorang pada masa hadapan. (Sinar Harian, 2020). Keadaan ini akan memberi kesan buruk kepada para pelajar iaitu mengabaikan amalan mengambil makanan yang seimbang dan sihat.

Di samping itu, bukan sahaja memakan makanan yang tidak berkhasiat, para pelajar juga tidak mengetahui cara untuk mengurangkan jumlah kalori bersamaan dengan jumlah kalori yang telah mereka makan dengan cara bersenam ataupun melakukan aktiviti riadah. Dengan mengamalkan pengambilan makanan seimbang serta amalan bersenam secara konsisten, ini sekaligus akan mengurangkan masalah peningkatan berat badan dan juga dapat membakar kalori dalam badan. (iPendidikan, 2019). Dalam bahasa mudahnya, berat yang sihat atau normal bermakna kesihatan yang baik sebaliknya berat badan yang berlebihan membawa kepada lebih banyak risiko kesihatan seperti penyakit berbahaya iaitu diabetes. (Muhammad Firdaus Rahim, 2021)

Menyedari permasalahan ini, maka pengkaji telah membangunkan sebuah laman web 'MauSihat' yang membolehkan para pelajar untuk memesan makanan sambil mengamalkan gaya hidup sihat kerana di dalam laman web tersebut ada ciri istimewa yang menunjukkan jumlah kalori setiap makanan dan cadangan senaman secara atas talian yang dapat memudahkan dan memberi penyelesaian kepada masalah-masalah yang berkaitan dengan pelajar untuk membeli dan memakan makanan di kafe politeknik.



Rajah 1.3.(a) Penambahan bilangan pelajar yang mengalami obesiti



Rajah 1.3.(b) Tidak mengetahui senaman apa yang perlu dilakukan untuk membakar membuang kalori berlebihan



Rajah 1.3.(c) Tidak mengetahui jumlah kalori di dalam makanan yang diambil seharian

1.4. Objektif Projek

a. Objektif Am

Tujuan dari projek ini adalah untuk menghasilkan Laman Web pemesanan makanan secara atas talian yang lebih menitikberatkan kesihatan para pelajar di Kafe Politeknik Seberang Perai.

b. Objektif Spesifik Projek

1. Mengurangkan masalah kesihatan di kalangan para pelajar.
2. Meningkatkan minat para pelajar melakukan senaman harian dengan berpandukan cadangan senaman di laman web MauSihat.
3. Meningkatkan kesedaran pelajar tentang kepentingan mengawal pengambilan kalori dalam sehari.

1.5. Persoalan Projek

1. Sejauhmanakah Laman Web MauSihat dapat mengurangkan masalah kesihatan di kalangan para pelajar?
2. Sejauhmanakah Laman Web MauSihat dapat meningkatkan minat para pelajar melakukan senaman harian?
3. Bagaimanakah Laman Web MauSihat dapat meningkatkan kesedaran pelajar tentang kepentingan mengawal pengambilan kalori dalam sehari?

1.6. Justifikasi Projek

Pemilihan produk inovasi ini dipilih berdasarkan pemerhatian pihak pengkaji dengan mengenal pasti isu-isu ataupun masalah yang perlu dihadapi oleh pelajar mahupun pensyarah dari aspek tidak mengetahui jumlah kalori yang diambil seharian. Hal ini sering berlaku kerana kebanyakan orang tidak akan mengira kalori yang mereka ambil seharian kerana mereka tidak mengetahui berapa jumlah kalori untuk setiap hidangan yang mereka ambil dan itu menjadi masalah untuk mereka mengira jumlah kalori yang mereka ambil. Pihak pengkaji telah memikirkan dan mencadangkan untuk merealisasikan suatu produk inovasi iaitu dengan mencipta laman web 'MauSihat' untuk pemesanan makanan dan dalam masa yang sama, ia akan memaparkan nilai kalori untuk setiap hidangan yang ada di laman web 'MauSihat' tersebut, dan juga ia akan mengira jumlah kalori yang diambil seharian berdasarkan pembelian yang dibuat oleh pengguna tersebut. Setelah pengguna membuat pembelian dan mengetahui jumlah kalori yang diambil, laman web 'MauSihat' ini juga akan memberi cadangan senaman harian atau mingguan kepada pengguna supaya ia dapat meningkatkan minat para pengguna untuk melakukan senaman tersebut.

Laman web 'MauSihat' ini juga untuk memudahkan para pelajar di Politeknik Seberang Perai (PSP) ini bagi yang sedang berdiet atau ingin menjaga kesihatan mereka melalui kaedah pengiraan jumlah kalori harian mereka. Tujuan utama produk inovasi ini dihasilkan adalah untuk membantu para pelajar serta pensyarah bagi mengelakkan dan menjaga diri dari penyakit-penyakit yang tidak diingini, sebagai contoh seperti obesiti, diabetes dan banyak lagi penyakit yang berpunca dari pengambilan makanan yang berlebihan sehingga melebihi kalori yang sepatutnya diambil oleh badan mereka.

Selain itu, laman web ini juga mempunyai paparan pengiraan BMI yang membantu pengguna untuk mengetahui sama ada berat dan tinggi mereka mempunyai berat yang normal, berat yang berlebihan atau kekurangan berat badan. Dengan adanya pengiraan BMI, ia membantu pengguna dari segi untuk target berat badan yang ingin dicapai oleh mereka.

Pengiraan jumlah kalori dan pengiraan BMI ini adalah ciri-ciri yang ada di dalam laman web MauSihat kami yang jarang ditemui di dalam laman web yang lain seperti Food Panda, Grab Food dan lain-lain. Mereka hanya boleh memesan makanan dan penghantaran makanan sahaja tetapi tidak mempunyai ciri-ciri istimewa ini.

Untuk mengakses laman web ini juga sangat mudah iaitu dengan mengimbas QR Code yang kami letakkan di tiang-tiang Kafe Lama PSP dan juga di hadapan setiap gerai peniaga yang ada. Dengan adanya laman web 'MauSihat', para pelajar mahupun pensyarah tidak perlu bersusah-payah lagi untuk memuatnaik aplikasi lain untuk mengira jumlah kalori dan pengiraan BMI. Mereka hanya perlu mengakses laman web 'MauSihat' dan ianya sudah mempunyai kesemua kemudahan tersebut.

1.7. Skop Projek

Skop projek kami tertumpu kepada masalah penjagaan kesihatan para pelajar Politeknik Seberang Perai yang tidak menitikberatkan jumlah pengambilan kalori dalam sehari. Di samping itu, laman web MauSihat ini adalah bertujuan untuk memudahkan pelajar untuk membuat tempahan makanan di kafe yang berada dalam Politeknik Seberang Perai secara atas talian, dalam masa yang sama, pelajar juga dapat menjaga kesihatan dengan mengetahui jumlah kalori bagi setiap menu yang ada di kafe Politeknik Seberang Perai.

1.8. SWOT Analisis

<p style="text-align: center;">STRENGTH</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membantu mengira BMI pengguna. • Fleksible digunakan di laptop dan semua jenis telefon bimbit. • Mempunyai design laman web yang menarik seperti mempunyai paparan gambar bagi setiap menu. • Membantu mengira jumlah kalori bagi setiap pembelian pengguna secara automatik. • Reka bentuk laman web MauSihat sangat mudah untuk difahami bagi pengguna. 	<p style="text-align: center;">WEAKNESS</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengguna harus selalu berada di dalam laman web tersebut untuk mendapatkan informasi terkini. • Memerlukan Internet bagi mengakses laman web MauSihat. • Kos bagi membina laman web yang mempunyai ciri ciri kesihatan adalah agak tinggi. • Sukar mendapat maklumbalas (feedback) berkaitan dengan penambahbaikan laman web MauSihat daripada para pengguna.
<p style="text-align: center;">OPPORTUNITY</p> <ul style="list-style-type: none"> • Masih tiada cara pemesanan makanan yang menggunakan laman web lagi. • Penjual yang berminat akan sertai dalam laman web untuk mendapatkan pesanan yang lebih. 	<p style="text-align: center;">THREAT</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelajar sudah biasa memesan makanan secara fizikal. • Penjual tidak suka laman web ini kerana perlu menggunakan gajet dan harus sentiasa dibuka untuk mendapatkan pesanan makanan. • Pengguna akan memilih aplikasi yang lain untuk memesan makanan di luar politeknik.

1.9. Kepentingan Projek

1.9.1. Kepentingan kepada Pengguna (Pelajar & Pensyarah)

- Menarik minat para pengguna untuk menjaga kesihatan dengan penjagaan kalori seharian.
- Pengguna lebih terdedah dengan pelbagai jenis aktiviti senaman harian yang boleh dilakukan untuk membakar kalori yang diambil seharian melalui laman web tersebut.
- Pengguna lebih mudah untuk mengetahui hidangan dan pilihan menu makanan baru dengan melayari menu digital lengkap dengan gambar makanan yang berkualiti tinggi dan menarik.
- Membantu pengguna yang sedang atau ingin berdiet kerana mereka boleh mengira jumlah kalori makanan yang diambil seharian.

1.9.2. Kepentingan kepada Peniaga

- Membantu para peniaga memperoleh pelanggan baru kerana pesanan makanan dalam talian dipaparkan di laman web, ia juga menunjukkan ciri unik iaitu jumlah kalori dalam setiap makanan yang dapat memikat pelanggan dapat membantu menjana lebih banyak jualan dan tentunya memuaskan hati pelanggan.

1.9.3. Kepentingan kepada Kerajaan

- Dapat membina rakyat yang menitikberatkan penjagaan kesihatan dengan hanya melalui pengiraan pengambilan kalori seharian yang diambil.
- Membantu memberi inovasi baru untuk naik taraf aplikasi pemesanan makanan yang sedia ada di Malaysia.

1.10. Definisi Istilah

MAUSIHAT

1. Peniaga

Definisi peniaga berdasarkan: Kamus Dewan (ed 4) 1. adalah orang yang berniaga, pedagang;

2. (Eko) ejen firma broker yang mempunyai lesen untuk berjual beli saham, komoditi atau opsyen yang mewakili pelanggannya dengan menerima gaji tetap.

Dari konteks projek: Peniaga dimaksudkan sebagai penjual makanan atau individu atau kumpulan yang menjual atau menyediakan makanan untuk dijual kepada pengguna akhir iaitu pembeli.

2. Pelanggan

Definisi pelanggan berdasarkan: Kamus Dewan (ed 4) 1. pembeli (surat khabar, majalah, dll) yang tetap: makin bertambah ramailah dan kedainya bertambah besar pula;

Dari konteks projek: Pelanggan merujuk kepada individu atau pelajar atau pengunjung yang datang ke kafe politeknik untuk membeli makanan di situ.

3. Kesihatan

Definisi kesihatan berdasarkan: Kamus Dewan (ed 4) perihal sihat, kesegaran, kebaikan keadaan badan dan lain-lain.

Dari konteks projek: Merujuk kepada kadar kesedaran para pelajar mengenai pentingnya penjagaan kesihatan dalam aspek mental dan fizikal melalui menitik beratkan setiap jumlah kalori yang diambil dalam sehari.

4. Kalori

Definisi kalori berdasarkan: Kamus Dewan (ed 4) 1. Unit kuantiti haba (banyaknya haba yang diperlukan untuk menaikkan suhu satu gram air sebanyak 1°C dari suatu paras suhu tertentu, yang bersamaan dengan 4.2 joule);

2. Unit ukuran bagi nilai tenaga makanan.

Dari konteks projek: Memberi penekanan kepada pelajar bahawa pengiraan kalori dari setiap makanan yang diambil adalah amat penting. Ini kerana, pengambilan kalori yang berlebihan dapat mengundang pelbagai penyakit kronik.

1.11. Rumusan

Sesungguhnya kajian ini bakal memberikan banyak kesan positif kepada mereka yang terlibat. Melalui kajian ini, kita dapat mengetahui dengan lebih terperinci berkaitan latar belakang projek yang menceritakan sebab-sebab utama projek ini dijalankan. Kita juga telah dapat merungkai permasalahan-permasalahan yang sering terjadi di kawasan kajian. Ini membolehkan kita meletakkan beberapa objektif khusus yang bakal dicapai apabila projek ini telah siap untuk dilaksanakan. Skop projek juga telah diperincikan dalam Bab 1 iaitu menumpukan kepada masalah penjagaan kesihatan para pelajar Politeknik Seberang Perai yang tidak menitikberatkan jumlah pengambilan kalori dalam sehari. Projek ini bahkan direka khas untuk memudahkan urusan penempahan makan di kafe politeknik.

Seperti profesional yang lain, projek ini juga telah dikaji berdasarkan analisis SWOT yang sering diguna pakai oleh setiap pengusaha projek. Ini membolehkan kita mengetahui tentang apakah kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman bagi projek kita di masa akan datang. Dengan cara itu, mudahlah bagi kita untuk menangani setiap masalah yang berlaku di kemudian hari demi memastikan setiap kepentingan yang dirancang terlaksana dengan jayanya.

BAB 2

KAJIAN LAPANGAN

2.1 Pendahuluan

Bab ini akan menjelaskan kajian yang berkaitan dengan bidang projek inovasi yang dibuat oleh pendahulu. Kajian Literatur adalah rumusan bagi maklumat yang diperoleh dari jurnal, buku, kajian lepas dan pelbagai sumber sekunder untuk sesuatu kajian baharu. Pengkaji akan menggunakan kajian lepas sebagai rujukan untuk melaksanakan projek inovasi pengkaji dalam bidang logistik dan rangkaian bekalan iaitu penghasilan **Laman Web MauSihat**, laman web memesan makanan yang mengutamakan kesihatan pelajar di Politeknik Seberang Perai. Kajian literatur meliputi tiga bahagian iaitu penjagaan kesihatan, teknologi aplikasi mudah dan aplikasi penempahan makanan.

2.2. Kajian Terdahulu

A. Penjagaan Kesihatan

Menurut (Malik, 2022), Kementerian Kesihatan Malaysia akan melaksanakan pelabelan kalori bagi setiap makanan yang ade dalam menu bagi semua premis makanan. Idea ini dikeluarkan oleh Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan Malaysia pada seminar Anti Obes City Putrajaya. Hal ini kerana kadar obesiti di Malaysia adalah tertinggi dalam Asia Tenggara, iaitu sebanyak 15.6%. (Shamsuri, 2022) Hal ini kerana makanan dalam Malaysia kebanyakan mempunyai nilai kalori yang tinggi dan melibatkan gula atau garam yang banyak. Gula dan garam adalah bahan utama yang akan menyebabkan penyakit obesiti. Masalah berat badan yang berlebihan telah mendapatkan tumpuan kerana satu dalam dua orang dewasa kini berlebihan berat badan. (Bernama, 2022) Bagi orang yang berlebihan berat badan, mereka mempunyai risiko yang tinggi untuk menghadapi banyak penyakit tidak berjangkit seperti hari berlemak, asma, kolestrol tinggi, tekanan darah tinggi, dan sebagainya.

Kajian daripada (Nasir et al., 2021) juga menunjuk kan bahawa masalah epidemik lebihan berat badan dan obesiti jarang mendapatkan perhatian. Banyak faktor yang akan menyebabkan seseorang obesiti, antaranya faktor genetik, amalan makanan, bilangan senaman, psikologikal dan status sosio ekonimo keluarga. Amalan diet seseorang akan menyebabkan lemak berkumpul dalam badan seseorang secara perlahan dan berat badan akan meningkat mengikut masa tanpa perasan. Pengambilan makanan yang mudah seperti '*fast food*' mengandungi kalori

yang tinggi dan kelebihan kalori ini tidak dapat dibakar kesemuanya melalui aktiviti harian. Saiz hidangan yang besar juga adalah salah satu sebab yang akan menyebabkan seseorang menghadapi penyakit obesiti. Ibu bapa haruslah mengambil perhatian tentang anak-anak dan menjadi contoh kepada mereka untuk mengamalkan pemakanan yang baik serta sentiasa bersenam dengan anak-anak. Walaupun pembangunan remaja akan makan lebih banyak, tapi perlulah memastikan badan menyerap vitamin yang seimbang dan sentiasa bersenam untuk kekal dalam bentuk yang sihat.

Tubuh badan yang sihat bukan sahaja datang dari makanan, senaman juga adalah sebahagian dalam memastikan manusia mempunyai tubuh badan yang sihat. (Nasir et al., 2021) Kecergasan amat diperlukan untuk memastikan tubuh badan berfungsi dengan baik dan bersemangat bila-bila masa. Apabila tubuh badan seseorang cergas, dia boleh melakukan aktiviti tanpa berasa penat dan cekap melakukan kerja. Bersenam adalah salah satu cara untuk memastikan kecergasan tubuh badan. Para pelajar harus mempunyai kesedaran untuk bersenam tanpa dipesan oleh orang lain, terutamanya dalam tempoh pandemik ini. Walaupun mempunyai banyak rintangan, tapi kita masih boleh melakukan aktiviti fizikal asalkan kita mematuhi 'Standard Of Procedure' (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Aktiviti fizikal dan senaman adalah bahagian yang amat diperlukan untuk mencapai tubuh badan yang sihat dan cergas.

Menurut (Fhareez et al., 2021), tahap kesihatan dipengaruhi oleh penglibatan senaman. Aktiviti fizikal dapat memerikan banyak faedah kepada tubuh badan kita. Kita boleh menggunakan kaedah *Body Mass Index* (BMI) untuk mengenalpasti adakah seseorang mengalami obesiti. Berdasarkan (*Obesity in Adult - PORTAL MyHEALTH*, n.d.), cara mengira BMI adalah $\text{Weight(KG)}/\text{Height}^2(\text{m})^2$. Klasifikasi sebagai underweight jika BMI kurang daripada 18.5, dan overweight jika BMI lebih daripada 23. Nilai BMI 23 ke atas telah dikira sebagai obesiti. Cadangan kepada semua remaja atau kanak-kanak adalah melakukan senaman satu jam setiap hari untuk memastikan tubuh badan kita sihat. Apabila badan kita sihat, kita dapat menghindarkan diri daripada banyak penyakit kerana obesiti akan menjadikan badan kita terdedah kepada penyakit lain.

Menurut (Matisah Musa, Noor Sharina Mohammad Shah, Nurul Sabreena Rosli, 2019), makanan seimbang ialah pengambilan makanan yang mempunyai khasiat yang diperlukan oleh tubuh badan kita. Sebagai manusia, kita memerlukan makanan dan vitamin untuk membantu

pembesaran kita dan menguatkan sistem imunisasi kita. Ibu bapa memainkan peranan yang penting untuk membantu anak mengamalkan amalan makanan yang seimbang dan berkhasiat. Manusia harus mengambil jumlah kalori yang betul mengikut umur mereka, terutamanya dalam kalangan kanak-kanak yang berumur lima tahun kebawah. Hal ini kerana lima tahun kebawah adalah masa yang paling penting untuk perkembangan seorang kanak-kanak mendapatkan nutrient yang mencukupi. Walaupun kanak-kanak memerlukan nutrient yang tinggi, namun tidak boleh berlebihan. Kalau kanak-kanak mengambil nutrient yang terlalu tinggi, kanak-kanak akan mengalami penyakit yang lain, terutamanya kanak-kanak yang berlebihan berat.

B. Teknologi Aplikasi Mudah

Dewasa ini, teknologi telah hadir dan menjadi sebahagian dari hidup manusia. Kehidupan manusia seakan tidak berfungsi jika tiadanya peranti moden seperti telefon pintar, tablet dan komputer riba (Edelweis Lararenjana, 2021). Peranti seperti ini telah memudahkan kehidupan harian kita untuk kekal mengetahui setiap perkara yang berlaku di sekeliling kita. Menurut (NurFannun, 2009), jika hendak dibandingkan dengan situasi terdahulu, terlalu banyak perbezaan yang dapat dilihat terutamanya dari aspek animasi. Hal yang jelas dapat dilihat adalah dari perubahan filem hitam putih ke filem animasi 3D dan CGI. Ini membuktikan bahawa perubahan drastik dari aspek teknologi kini dan dahulu telah memberi impak yang besar kepada hidup masyarakat tidak kira muda atau tua.

Di samping itu, jika diteliti dengan lebih dalam rangkaian mudah alih juga telah divariasikan atau ditingkatkan kualiti perkhidmatannya iaitu dari 3G ke 5G. Menurut (Irma Syarlina Che Illias, 2022), teknologi 5G berupaya memberikan kelajuan 20 kali ganda lebih pantas daripada rangkaian 4G yang digunakan di gadget ketika ini. Oleh yang demikian, teknologi 5G ini bakal memberikan pengalaman baharu yang lebih lancar kepada pengguna media sosial. Contoh hal yang dijangkakan adalah jangka masa untuk memuat halaman media di Internet akan kurang dengan mendadak. Jika dahulu, rangkaian 3G atau 4G memerlukan masa sekurangnya 1 minit untuk memuatkan sesuatu laman di Internet dengan ciri yang lengkap, tetapi dengan hadirnya teknologi 5G yang kaya dengan kelajuan pantas ianya dapat memuatkan halaman yang lengkap hanya dalam tempoh kurang dari 30 saat. Hal sebegini juga bakal memberikan impak positif dari segi penyampaian maklumat. Maklumat dapat diuar-uarkan secara pantas dan sampai tepat pada masa yang diinginkan. Seperti disampaikan (Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia (K-KKOM), Datuk Seri Mohammad Mentek, September 2021), media sosial

juga merupakan medium utama yang menjadi ejen penyebaran maklumat daripada kerajaan kepada rakyat.

Melihat dari terjadinya pandemik Covid-19 yang telah melanda dunia ketika ini, kebanyakan komunikasi dan interaksi semasa hanyalah menggunakan medium telekomunikasi aplikasi mudah. Menurut (Mohd Husni, 2021), telah berlaku peningkatan yang drastik dalam era penggunaan internet dan telekomunikasi ketika Covid-19 melanda dunia. Contoh dekat yang boleh diambil adalah dari segi perubahan aktiviti pembelajaran di semua institut pengajian dan sekolah-sekolah di Malaysia. Murid dan guru hanya dibenarkan menjalankan aktiviti pdpr secara atas talian. Medium yang sering digunakan ketika ini adalah aplikasi ‘*Google Meet, Microsoft Teams, Zoom*’ dan banyak lagi. Selain itu, penggunaan dalam *Learning Management System (LMS)*, telah diperluaskan dan dibangunkan oleh IPT bagi meningkatkan keberkesanan dalam PdP. Penggunaan seperti *Google Classroom, Moodle, Edlink, Flubaroo* dan pelbagai lagi sistem LMS lain turut digunakan oleh pensyarah dalam menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar. Bagi memantau prestasi dan respon pelajar serta meningkatkan interaksi pensyarah dan pelajar, kaedah seperti Massive Open Online Learning, Open Educational Resources, Kahoot, Quizzizz, Peardeack, Edpuzzle, Quill, Youtube, Flipgrid dapat mewujudkan suasana interaktif dalam PdP atas talian.

Namun begitu, menurut (Watson Amy), seiring dengan berkembangnya penggunaan telekomunikasi, had masa penggunaan teknologi aplikasi mudah juga telah meningkat dari hari ke hari di pelbagai negara. Antara peningkatan yang ketara dilihat adalah dari segi penggunaan aplikasi telekomunikasi untuk berinteraksi sesama rakan melalui call dan sms, membeli belah di atas talian dan membuat pemesanan makanan secara atas talian. Kesimpulan yang dapat dibuat dari hal ini adalah teknologi aplikasi mudah telah banyak memberi kemudahan bukan sahaja kepada penduduk di Malaysia bahkan di seluruh dunia. Sistem yang canggih telah membolehkan setiap hal yang tidak terjangkau dapat digapai dengan mudah.

C. Aplikasi Penghantaran Makanan

Pada masa kini era teknologi digital semakin berkembang pesat yang telahpun memberi impak kepada corak aktiviti masyarakat kita dari segi komunikasi, sektor pekerjaan, interaksi mahupun perniagaan. Secara tidak langsung industri perniagaan juga telah mengaplikasikan teknologi bagi memudahkan pengurusan perniagaan mereka. Sebagai contoh teknologi yang digunakan ialah sistem aplikasi penghantaran makanan. Sistem ini adalah satu sistem yang dapat membantu pelanggan memesan makanan secara atas talian tidak kira lokasi anda berada

hanya memerlukan klik di hujung jari pada telefon pintar mereka. Seperti yang kita dapat lihat sistem pemesanan yang sedia ada kini kebiasaannya menawarkan fungsi fungsi lain yang menarik seperti kedah pembayaran, diskaun dan memaparkan promosi menarik oleh sesuatu kedai tersebut. Oleh hal itu secara tak lansung sistem ini dapat membantu dari segi meningkatkan lagi keuntungan dan pengurusan perniagaan mereka.(Fatin & Azmi, 2020)

Perkhidmatan penghantaran makanan atau Online Food Delivery (OFD) adalah satu proses yang melibatkan pembelian makanan melalui laman web atau aplikasi dalam talian yang disediakan oleh Pizza Hut sejak tahun 1994. Dengan revolusi internet dan pengenalan sistem pembayaran tanpa tunai, kajian ini melihat sama ada pengguna boleh menyesuaikan diri dengan teknologi melalui perkhidmatan penghantaran makanan dalam talian. Dari sudut pandangan peniaga, kemunculan GrabFood, Foodpanda dan UberEats memudahkan peniaga dalam pasaran tepu untuk meningkatkan ketepatan pesanan, produktiviti dan hubungan pelanggan, sambil mengembangkan lagi pasaran dalam industri makanan.(Amran & Buang, 2022). Perkhidmatan penghantaran makanan ini bukan sahaja dapat digunakan untuk barangan sudah dimasak tetapi ia juga dapat digunakan untuk menghantar makanan atau barangan lain seperti barangan basah, makanan sejuk beku dan sebagainya.(Liyana Zakaria et al., 2021)

Di Malaysia, terdapat banyak syarikat penghantaran makanan yang telah menawarkan perkhidmatan penghantaran makanan dalam talian seperti Foodpanda dan GrabFood di Asia Tenggara adalah sangat luas dengan jangkaan bahawa industri ini akan berkembang sekitar 956 million US dolar menjelang 2022(Amran & Buang, 2022) .FoodPanda ialah sebuah syarikat yang berpangkalan di Berlin, adalah salah satu syarikat yang membenarkan pengguna memesan makanan secara dalam talian di restoran. Syarikat itu dimulakan pada 2012 oleh empat orang, Ralf Wenzel, Nenjamin Beuer, Felix Plog dan Rohit Chadda(Ahmed & Ahmed, 2016).FoodPanda telah beroperasi di 11 buah negara seperti di Asia, Timur Eropah dan Timur Tengah. Antara negara yang telah menubuhkan FoodPanda ialah Bangladesh, Hong Kong, India, Pakistan, Filipina, Romania, Singapura, Taiwan, Thailand dan Malaysia.(Khafidhoh et al., 2022)

Selain itu grab food juga dijadikan sebagai konsumen dan penjual melakukan transaksi jual beli melalui driver grab food yang telah dicipta oleh Anthony Tan Hooi Ling Tan yang merupakan warga negara Malaysia. Aplikasi pemesanan makanan grab food ini telah dibina pada tahun 2016, didalam aplikasi ini pelanggan dapat menemukan pelbagai pilihan makanan

dari restoran yang terdekat. Seperti yang kita dapat lihat kini ramai persaingan di dalam sistem perkhidmatan penghantaran makanan seperti grabfood, FoodPanda, Halo dan lain lain. Hal ini dapat memberi dampak positif bagi para pengguna yang secara tidak langsung dapat membuat pilihan berdasarkan perkhidmatan yang paling terbaik. Biasanya syarikat pengantaran ini mengasaskan lokasi yang menjadi tumpuan ramai seperti Penang, Kuala Lumpur dan Johor Bahru. Syarikat penghantaran makanan ini memilih lokasi yang menjadi ramai tumpuan kerana sistem penghantaran makanan ini menghadapi pelbagai cabaran seperti lokasi, batas liputan dan dalam masa yang sama mereka perlu memberi perkhidmatan yang memuaskan hati pelanggan dengan jumlah permintaan untuk menghantar makanan (Alagoz & Hekimoglu, 2012)

2.3. Rumusan

Secara keseluruhan, kajian lapangan yang dibincangkan ini merangkumi bidang projek inovasi iaitu penjagaan kesihatan, teknologi aplikasi mudah dan aplikasi penghantaran makanan.

BAB 3

METODOLOGI


3.1. Pendahuluan

Bab ini akan menerangkan secara lebih mendalam tentang proses pembangunan laman web MauSihat dan kaedah penyelidikan yang digunakan di dalam kajian ini. Permulaan bab ini akan menerangkan mengenai reka bentuk projek untuk menghasilkan laman web MauSihat. Kemudian, bab ini juga akan menunjukkan kajian rintis projek dan diikuti dengan maklumbalas kajian rintis tersebut berkenaan projek. Seterusnya, penambahbaikan projek, kaedah kajian untuk menganalisis data dan impak laman web MauSihat juga akan diterangkan di dalam bab ini. Akhir sekali, rumusan bab.


3.2. Reka Bentuk Projek

3.2.1. Perkakasan dan perisian bagi pembangunan aplikasi MauSihat

Projek inovasi ini namanya MauSihat. Perkakasan dan perisian yang diperlukan untuk menghasilkan projek ini adalah komputer riba, perisian aplikasi Canva, WordPress dan Javascript.




Rajah 3.1 : Penggunaan perisian aplikasi WordPress untuk menaip pengkodan



Rajah 3.2: Penggunaan perisian aplikasi Canva untuk menghias laman web MauSihat


3.2.2. Langkah-Langkah Pembangunan Laman Web Mausihat

Langkah yang pertama dimulakan dengan pengekodan di dalam WordPress dan Javascript.




Rajah 3.3: Paparan pengekodan yang ada dalam WordPress

Langkah kedua, selepas menaip pengekodan, kami akan dapat satu templat penempahan makanan dalam WordPress dan kena hiaskan dengan kreativiti sendiri.




Rajah 3.5: Paparan laman utama bahagian bawah




Rajah 3.6: Paparan menu yang disediakan oleh template WordPress selepas menaip pengkodan

Langkah ketiga, masukkan gambar dan harga makanan yang berkenaan dalam menu yang disediakan oleh penjual.



Rajah 3.7: Paparan menu salah satu kedai kami masukkan gambar yang berkenaan


Langkah keempat, kami masukkan ciri-ciri pengiraan BMI serta senarai senaman.



Rajah 3.8 Paparan kalkulator BMI dan senarai senaman

3.3.3. Langkah Penggunaan Laman web MauSihat

Langkah Pertama: Mengimbas QR code yang disediakan ataupun melayari <https://mausihat.msia-my.com/>




Rajah 3.9 QR code laman web

Langkah Kedua: Pilih makanan yang ade dalam menu mengikut pengguna




Rajah 3.10 : Menu café lama

Langkah Ketiga : Tekan “Add to cart” di makanan yang kena dipesan.




Rajah 3.11 : Menu burger shop

Langkah Keempat: Lepas tekan add to cart, tekan view cart untuk tengok makanan yang telah dipesan dalam laman web




Rajah 3.12 : Paparan selepas menekan “Add to cart”

Langkah Kelima: Mengenalpasti makanan yang kena dipesan adalah betul. Dalam paparan ini, pengguna dapat lihat nilai kalori yang akan diambil melalui makanan yang dipesan. Selepas itu, tekan “Proceed to checkout” untuk langkah seterusnya.




Rajah 3.13 : Paparan cart serta nilai kalori yang akan diambil

Langkah Terakhir: Masukkan butiran pembeli dan memilih cara pembayaran. Makanan akan disediakan oleh penjual dan boleh diambil dalam masa yang ditetapkan



Rajah 3.14: Paparan pengisian butiran pengguna



Rajah 3.15: Paparan memilih cara pembayaran

3.3. Kajian Rintis

3.3.1. Maklumbalas Kajian Rintis

Bil.	Soalan Temu bual
1	Berapakah kekerapan mengunjungi kafe lama dalam tempoh seminggu?
2	Berapa lama purata masa pembelian makanan di kafe lama?
3	Adakah pelajar menyedari tentang pengambilan kalori dalam sehari?
4	Berapa kekerapan pelajar melakukan senaman harian?

Bil.	Soalan Temu bual
1	Kekerapan mengunjungi kafe lama dalam tempoh seminggu?
2	Berapa lama purata jangka masa pembelian makanan di kafe lama
3	Adakah pelajar menyedari tentang pengambilan kalori dalam sehari?
4	Berapa kekerapan pelajar melakukan senaman dalam seminggu?

3.4. Penambahbaikan Produk

Sebelum laman web MauSihat ini dihasilkan, penjual-penjual di kafe lama Politeknik Seberang Perai menggunakan sistem pesanan tradisional seperti menulis di dalam buku atau kertas. Pada era globalisasi ini, dengan adanya laman web MauSihat sistem pemesanan makanan dapat dilakukan secara atas talian dan bukan itu sahaja, laman web MauSihat ini juga mempunyai banyak keistimewaannya. Antaranya, pengiraan jumlah kalori untuk setiap produk yang ada, mempunyai pengiraan BMI dan juga laman web MauSihat ini memberi idea senaman-senaman ringan yang memudahkan untuk membakar kalori yang diambil. Bagi pengiraan BMI, pengguna hanya perlu memasukkan maklumat yang diminta untuk mengira

BMI mereka. Pengiraan jumlah kalori pula, untuk setiap pembelian dan pemilihan makanan ia akan automatik dikira oleh sistem di dalam laman web MauSihat. Malah, laman web MauSihat ini juga boleh diakses di mana-mana sahaja dengan sokongan Internet. Laman web ini mempunyai sistem pembayaran secara atas talian. Sistem bayaran atas talian ini digunakan untuk mengurangkan kesesakan semasa membayar di hadapan kedai dan sistem bayaran atas talian ini juga dapat menjimatkan masa pihak penjual dan juga pelanggan yang menggunakan laman web MauSihat.

3.5. Kaedah Analisa Data

Secara asasnya, terdapat beberapa kaedah dalam pengumpulan data dan maklumat dalam sesuatu kajian. Di dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan dua kaedah kajian iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif.

3.5.1. Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif adalah menggunakan teknik temu bual. Kajian ini dijalankan dengan menjalankan temu bual berstruktur bersama penjual/peniaga yang berniaga di kafe lama Politeknik Seberang Perai berkenaan masalah yang dihadapi oleh mereka. Temu bual berstruktur adalah dijalankan secara formal, dirancang teliti selaras dengan objektif kajian dan soalan tidak perlu banyak untuk mengelakkan data terpesong daripada objektif kajian dan merumitkan kerja mengurus dan menganalisis data.

3.5.2. Kaedah Kuantitatif

Kaedah ini dijalankan untuk mendapatkan maklumat dan membantu dalam penghasilan laman web ini dengan menggunakan borang soal selidik dan diedarkan kepada pelanggan kafe lama Politeknik Seberang Perai. Soal selidik tersebut dijalankan sebelum kajian dan selepas kajian.

3.6. Rumusan

Kesimpulannya, pada bab ini lebih memfokuskan kepada reka bentuk projek, proses-proses pembangunan dan penghasilan laman web MauSihat, kajian rintis, penambahbaikan laman web, kaedah kajian yang digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan keperluan penghasilan laman web untuk projek inovasi, analisis keberkesanan laman web dan juga membincangkan tentang impak inovasi yang telah dihasilkan. Laman web MauSihat ini telah berjaya dimurnikan dengan kos RM375. Akhir sekali, kami juga telah mensasarkan pengguna laman web kami yang terdiri daripada pelajar, pensyarah-pensyarah serta penghuni lain di Politeknik Seberang Perai.

BAB 4

ANALISI DAPATAN PROJEK INOVASI

4.1. PENDAHULUAN


Bab 4 ini bakal membincangkan mengenai hasil dapatan daripada analisis-analisis yang dijalankan mengenai soal selidik sebelum dan selepas projek inovasi dihasilkan. Dengan adanya analisis yang berperingkat, kita dapat mengetahui dengan lebih terperinci berkaitan projek yang sedang dijalankan. Bahkan, ini memberi ruang kepada ahli kumpulan kami untuk menilai titik kelemahan yang terjadi dan berusaha sedaya upaya untuk menyelesaikannya. Dalam bab ini, telah disusun dengan rapi berkaitan maklumat analisis situasi yang dijalankan, analisis kewangan, perletakan harga projek dan sehinggalah ke kaedah pengkomersialan produk.

4.2. ANALISIS SITUASI


Projek yang sedang dijalankan ini telah melibatkan beberapa tingkat analisis. Sebelum ke peringkat analisis, dapatan yang diperolehi adalah berdasarkan analisis dapatan soal selidik sebelum dan selepas projek inovasi dihasilkan yang bakal dilakukan oleh pengkaji. Seterusnya, peringkat analisis yang terlibat ialah analisis dapatan kajian peringkat pertama yang melibatkan proses fasa pertama iaitu peningkatan aplikasi inovasi dan peringkat kedua yang melibatkan fasa kedua iaitu pemurnian dan penambahbaikan kepada kajian peringkat pertama ke atas aplikasi inovasi yang dihasilkan.

4.2.1. ANALISIS DAPATAN SOAL SELIDIK PROJEK INOVASI DIHASILKAN

Berikut merupakan hasil dapatan soal selidik dengan mendedarkan borang soal selidik kepada pelajar di Politeknik Seberang Perai sebelum projek inovasi laman web MauSihat dihasilkan dan diguna pakai.




Rajah 4.1 : Kekerapan mengunjungi kafe lama dalam tempoh satu minggu?



Rajah 4.2 : Berapa lama purata masa pembelian makanan di kafe lama?

Adakah pelajar menyedari tentang pengambilan kalori dalam sehari?


61 jawapan



Rajah 4.3 : Adakah pelajar menyedari tentang pengambilan kalori dalam sehari?

Berapa kekerapan pelajar melakukan senaman dalam satu minggu?

60 jawapan




Rajah 4.4 : Berapa kekerapan pelajar melakukan senaman harian?


Secara keseluruhannya, hasil daripada dapatan kajian terhadap pelajar di politeknik seberang perai ialah secara purata para pelajar bersetuju dengan persoalan soal selidik yang telah dikemukakan. Permasalahan yang utama yang boleh didapati iaitu pelajar kurang mengunjungi kafe lama kerana purata jangka masa pembelian makanan yang terlalu lama. Selain dari itu seperti kita dapat lihat dari hasil kajian kami pelajar politeknik seberang perai kurang pengetahuan ataupun kurang kesedaran tentang kesihatan bagi setiap pelajar. Pemilik kios di kafe lama juga telah bersetuju dalam inisiatif penggunaan laman web MauSihat yang dapat membantu para pelajar untuk membuat tempahan secara tidak lansung dapat memberi kesedaran tentang pentingnya kesihatan diri.

4.2.2. ANALISIS DAPATAN SOAL SELIDIK SELEPAS PROJEK INOVASI DIHASILKAN.

Berikut merupakan hasil dapatan soal selidik dengan mendedarkan borang soal selidik kepada pelajar di Politeknik Seberang Perai selepas projek inovasi laman web MauSihat dihasilkan dan diguna pakai.



Rajah 4.5 : Kekerapan mengunjungi kafe lama dalam tempoh satu minggu?



Rajah 4.6 : Berapa lama purata masa pembelian makanan di kafe lama?



Rajah 4.7 : Adakah pelajar menyedari tentang pengambilan kalori dalam sehari?



Rajah 4.8 : Berapa kekerapan pelajar melakukan senaman harian?

Hasil dapatan dengan mengemukakan soal selidik kepada responden dalam keberkesanan laman web MauSihat mendapati pemilik dan pelanggan bersetuju dengan penggunaan laman web MauSihat. Laman web ini merupakan satu inovasi untuk pelanggan membuat tempahan dengan lebih mudah dan sekaligus dapat menjaga kesihatan para pelajar. Semua responden sangat berpuas hati di atas inovasi yang dihasilkan bagi membantu sistem pemesanan yang lebih efektif dan juga dalam masa yang sama menitik beratkan kesihatan para pelajar. Selain itu mereka juga mencadangkan laman web ini digunakan kepada semua perniagaan di Malaysia supaya seluruh rakyat Malaysia dapat memilih makanan

mengikuti kalori yang diperlukan dan dapat mengurangkan masalah obesiti dikalangan rakyat Malaysia.

4.2.3. ANALISIS DAPATAN KAJIAN PERINGKAT PERTAMA

Sebelum terciptanya laman web 'MauSihat', perkhidmatan pemesanan makanan di kafe lama Politeknik Seberang Perai mengambil tempoh masa yang agak lama untuk disiapkan. Bahkan, setiap menu yang disediakan tidak tersedia maklumat berkaitan kadar jumlah kalori yang tepat. Ini juga telah sedikit sebanyak menyumbang kepada aspek kesihatan pelajar-pelajar di Politeknik Seberang Perai. Sebagai contoh, berlakunya pertambahan jumlah bagi pelajar yang mengalami obesiti. Jadi dengan itu, satu inisiatif baru telah diwujudkan bagi membantu mempercepatkan proses penempahan dan penyediaan makanan serta membantu dalam menyedarkan para pelajar mengenai pentingnya pengiraan kalori dengan adanya bantuan dari laman web 'MauSihat'. Dengan adanya laman web ini, pelajar telah mula cakna akan setiap kalori yang diambil berdasarkan jenis menu yang dibeli. Laman web 'MauSihat' juga telah menyediakan kemudahan tambahan di dalam website iaitu memberi cadangan senaman ringan yang boleh dilakukan oleh para pelajar untuk membakar kembali kadar kalori berlebihan yang diambil. Hal yang dapat disimpulkan disini adalah, pengkaji dapat melihat bahawa inisiatif yang telah diwujudkan ini memberi kemudahan yang bukan sahaja kepada pelajar tetapi pemilik-pemilik kiosk di kafe Politeknik Seberang Perai. Bahkan, kadar keuntungan yang diraih oleh para pemilik kiosk juga meningkat disebabkan peningkatan jumlah pengunjung ke kafe setelah adanya 'MauSihat'. Pereka laman web 'MauSihat' telah menggabungkan pelbagai medium khas untuk menyiapkan laman web ini. Antara medium utama yang digunakan adalah pengkodan daripada Javascript. Turut digunakan adalah pengkodan daripada Php, HTML, dan CSS. Kemudahan yang terdapat di dalam laman web 'MauSihat' telah banyak membantu para penggunanya dalam aspek penempahan makanan sehinggalah aspek kesedaran kesihatan.




Rajah 4.9: Javascript sebagai medium pengkodan utama laman web 'MauSihat'.

4.2.4. ANALISIS DAPATAN KAJIAN PERINGKAT KEDUA


Berdasarkan kajian pada peringkat pertama, pengkaji mendapati bahawa tiada pengiraan BMI untuk para pelanggan mengetahui status berat badannya sama ada kurang berat badan, normal atau berat badan berlebihan. Ia amat penting bagi membantu pelanggan untuk mereka mengetahui BMI mereka dengan lebih mudah tanpa perlu memuatnaik aplikasi pengiraan BMI. Jadi pada kajian peringkat kedua ini, pengkaji telah menambah baik laman web seperti memasukkan dan menambahkan sistem pengiraan BMI kepada para pelanggan ke dalam laman web Mausihat ini.

Berikut menunjukkan laman web Mausihat yang telah dihasilkan oleh pengkaji. Dengan adanya laman web ini di Kafe Lama Politeknik Seberang Perai, pengguna boleh membuat pesanan dengan mudah, lebih cekap, menjimatkan masa dalam masa yang sama, dilengkapi dengan ciri khas pengiraan kalori, cadangan senaman untuk membakar kalori dan juga pengiraan BMI.

Analisis dapatan kajian peringkat kedua adalah fasa pemurnian. Hasil daripada inovasi yang didapati dari laman web Mausihat tersebut tidak lengkap kerana tidak mempunyai sistem pengiraan BMI. Oleh hal demikian, pengkaji telah melakukan penambahbaikan bagi laman web tersebut. Pengkaji telah memasukkan sistem pengiraan BMI ke dalam laman web tersebut seperti di dalam rajah di bawah.



Rajah 4.10 Sebelum memasukkan sistem pengiraan BMI.



Rajah 4.11 Selepas memasukkan sistem pengiraan BMI.

4.4 ANALISIS KEWANGAN

Pengkaji telah menganalisis beberapa kos yang digunakan sepanjang projek inovasi ini dijalankan dalam menyediakan dan menghasilkan laman web MauSihat. Analisis kewangan ini telah dilakukan oleh pengkaji dalam merangkumi aspek kos penghasilan projek secara per unit dan penetapan harga seunit sekiranya produk ini ingin dikomersialkan.

4.3.1. Kos Penghasilan Projek

Kos penghasilan produk diambil kira berdasarkan kepada setiap bahan-bahan input yang digunakan di dalam proses pembuatan bahan inovasi. Bahan-bahan input disenaraikan dan dinyatakan bersama kos per unit yang terlibat sebelum mengambil kira jumlah kos penghasilan projek per unit yang terlibat. Kos penghasilan laman web MauSihat adalah seperti jadual di bawah.

4.3.2. Kos Penghasilan Projek Per Unit

Bil	Butiran	Kos (RM)
1	Kos upah orang membuat laman web	300
2	Data mudah alih	60
3	Print	15
	Jumlah kos	375

Jadual 4.1: Kos pembangunan laman web MauSihat

4.3.3. Peletakan Harga Projek

Setelah kos penghasilan projek dikira, peletakan harga ditentukan bagi laman web MauSihat yang dihasilkan. Kos pembuatan sebanyak RM375 telah dikeluarkan bagi penambahbaikan projek ini. Harga bagi laman web ini adalah sebanyak RM500 setelah dibincangkan dan ditentukan oleh pengkaji berdasarkan sistem yang telah digunakan. Seterusnya, laman web MauSihat ini menggunakan perisian aplikasi yang mudah didapati dengan harga mampu milik.

4.3.4. Justifikasi Kos Pelaksanaan Projek

Kos pelaksanaan projek ialah sebanyak RM375. Cadangan bagi peletakan harga projek adalah sebanyak RM500. Setelah dibincangkan dan diteliti oleh pengkaji berdasarkan sistem yang telah digunakan. Hal ini kerana harga laman web ini telah ditentukan berdasarkan kepada kombinasi kos penggunaan sistem, tenaga dan masa ahli pengkaji yang telah diluankan sepanjang projek ini berlangsung dari awal sehingga selesai projek ini dijalankan.

4.4. Impak Produk

Inovasi produk diperincikan kepada tiga (3) bentuk impak kesan dari laman web yang dihasilkan bagi menyelesaikan permasalahan kajian. Berikut adalah penjelasan impak mengikut topik perbincangan.

a) Impak Produk Terhadap Masa

Penggunaan laman web MauSihat ini telah membantu ke arah penjimatan masa pelanggan dari segi pengurusan membeli dan membayar makanan berbanding keadaan sebelumnya iaitu secara tradisional. Hal ini kerana penggunaan laman web ini dapat memudahkan pihak pengguna dan para pelajar untuk menguruskan proses membeli makanan secara atas talian dari segi memesan makanan, mengetahui jumlah kalori makanan dan membuat bayaran. Maka dengan adanya laman web ini dapat memudahkan pelajar yang ingin memesan makanan di kafe politeknik sambil mengamalkan gaya hidup sihat untuk menjalankan aktiviti mereka seperti biasa tanpa merisaukan masalah kesihatan yang akan berlaku. Masalah pengiraan penjimatan masa berdasarkan pemerhatian pengkaji adalah seperti jadual 3.3 di bawah.

BUTIRAN	SEBELUM	SELEPAS
Masa yang diambil oleh pelajar untuk memesan dan membayar makanan di kafe politeknik	20 minit dan keatas	5 - 10 minit

Jadual 3.3 Impak produk terhadap masa.

b) Impak Produk Terhadap Kos

Sebelum wujudnya inovasi laman web MauSihat ini, kos jualan dan keuntungan kafe politeknik adalah tidak sebanyak selepas adanya laman web MauSihat. Hal ini kerana pelajar lebih gemar membeli di laman web kerana mereka tidak perlu beratur panjang dan menunggu giliran untuk membeli dan membayar makanan di kafe. Oleh itu, kafe politeknik mendapat keuntungan yang lebih tinggi berbanding sebelumnya. Ini membuktikan bahawa produk tersebut lebih efektif dan berkesan. Seterusnya, produk ini adalah mesra pengguna kerana ianya mudah digunakan dan dikendalikan. Akhir sekali, cara penggunaannya juga adalah secara dalam talian sahaja.

c) Impak Terhadap Keberkesanan Penggunaan Produk

Keberkesanan penggunaan perkhidmatan dapat dilihat dari segi kemudahan kepada banyak pihak seperti pihak politeknik mahupun pelajar dapat membeli makanan sambil mengamalkan gaya hidup sihat. Hal ini kerana produk inovasi ini mempunyai ciri mobiliti yang tinggi. Aplikasi ini boleh dimuat turun dalam telefon mudah alih dan ianya juga sangat mudah untuk dikendalikan di mana jua. Seterusnya, produk inovasi MauSihat ini sangat membantu kerana para pelajar dan pengguna untuk membuat pesanan secara atas talian dan mengetahui jumlah kalori di dalam setiap makanan. Akhir sekali, laman web MauSihat juga mempunyai maklumat pengguna untuk mengelakkan daripada berlakunya sebarang kes penipuan dan juga dapat mengelakkan pemilik daripada tertipu oleh pengguna semasa pengambilan pesanan makanan.

ASPEK	SEBELUM	SELEPAS
Kesedaran pelajar tentang pengambilan kalori dalam sehari	Tiada	Lebih banyak
Kekerapan aktiviti senaman dalam seminggu	Sedikit	Lebih banyak

Jadual 3.5.2: Impak terhadap keberkesanan penggunaan produk.

4.5. PENGKOMERSIALAN

Sasaran bagi pengguna utama laman web kami adalah kepada Politeknik Seberang Perai kerana pemerhatian dan soal selidik adalah berdasarkan situasi kafe lama di Politeknik Seberang Perai. Laman web MauSihat adalah satu laman web yang dapat menjaga kesihatan pengguna serta memesan makanan secara pra-pesanan. Laman web MauSihat dapat memupuk kesedaran pengguna terhadap pengambilan kalori seharian dan mencadangkan aktiviti senaman kepada pengguna untuk memastikan tubuh badan pengguna sentiasa dalam keadaan yang sihat. Pembeli yang berminat menggunakan laman web MauSihat boleh mengubah konten yang terdapat di laman web MauSihat berdasarkan makanan yang telah disediakan oleh syarikat masing-masing. Setelah laman web MauSihat ini berjaya dicipta dan inovasi akan diperkenalkan kepada penjaja di kafe lama Politeknik Seberang Perai dan pada masa yang akan datang, laman web MauSihat dapat disebarkan kepada syarikat-syarikat lain untuk memudahkan langkah pemesanan makanan serta menjaga kesihatan pekerja.

4.6. RUMUSAN BAB

Kesimpulannya, bab ini membincangkan hasil daripada soal selidik dan pemerhatian dan dapatan kajian yang dilakukan pada peringkat pertama dan kedua. Bab ini juga menerangkan laman web MauSihat telah berjaya dimurnikan dengan kos RM500 dan boleh dikomersialkan.

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1. PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan mengenai kesimpulan dan cadangan projek daripada projek yang telah dijalankan. Bab ini merangkumi kesimpulan dari keseluruhan projek berdasarkan analisis SWOT (*Strengths, Weaknesses, Opportunities, Threats*) untuk memberi cadangan dan penambahbaikan dalam kajian ini. Kajian ini telah mencadangkan satu inovasi baharu berdasarkan dapatan kajian. Ini juga merangkumi kesimpulan keseluruhan penghasilan laman web ini.

5.2. KESIMPULAN KESELURUHAN PROJEK INOVASI

Kesimpulan projek inovasi ini bakal mengemukakan dan memperincikan rumusan berkaitan hasil akhir projek yang telah dilaksanakan. Turut disertakan bersama ialah maklumat berkaitan hasil dan pencapaian projek tentang keberkesanannya, perancangan dan harapan untuk projek akan datang. Kelemahan dan kelebihan dinyatakan secara ringkas dan tepat. Selain itu, penemuan projek ini telah disimpulkan secara ringkas dengan objektif dan persoalan projek. Kesimpulan projek ini dibuat berdasarkan analisis SWOT yang tersedia oleh pengkaji. Dibawah merupakan jadual analisis SWOT yang menjelaskan kesimpulan keseluruhan projek.

Jadual 5.1 Analisis SWOT

KEKUATAN (STRENGTH)	KELEMAHAN (WEAKNESS)	PELUANG (OPPORTUNITIES)	ANCAMAN (THREATS)
<ul style="list-style-type: none"> Membantu mengira jumlah kalori bagi setiap pembelian secara automatik Membantu mengira BMI pengguna 	<ul style="list-style-type: none"> Pengguna harus selalu berada di dalam laman web bagi mendapatkan informasi terkini. 	<ul style="list-style-type: none"> Berpontensi bersaing dengan aplikasi kesihatan yang lain. Peningkatan jumlah penjual yang berminat memasarkan produk di laman web 	<ul style="list-style-type: none"> Pengguna kurang perhatian akan ciri tambahan di laman web.

Kesimpulannya, laman web MauSihat ini telah banyak membantu dalam urusan penempahan dan pembelian makanan di kafe Politeknik Seberang Perai. Bahkan, kebanyakan pelajar telah memberi respon yang baik berkaitan ciri tambahan di dalam laman web MauSihat walaupun pada awalnya terdapat beberapa permasalahan yang berlaku seperti pelajar perlu kekal berada di dalam laman web untuk mendapatkan informasi terkini berkaitan info penempahan. Namun, berkat usaha dan kegigihan semua pengkaji, masalah tersebut telah dapat diselesaikan. Tempoh masa yang lama amat diperlukan bagi memastikan setiap objektif dan kriteria yang disebutkan dapat dicapai. Dengan adanya usaha bersama pereka website, penyelia projek dan ahli kumpulan yang sentiasa gigih dalam mencari info-info terkini bagi menyesuaikan inovasi dengan situasi semasa, projek ini telah berjaya dibangun dan disiapkan dengan jayanya. Bahkan dapat menyelesaikan pelbagai permasalahan yang di antaranya adalah berkaitan masalah penempahan makanan dan masalah penjagaan kesihatan para pelajar. Hasil kriteria dan objektif yang telah dicapai ini telah memberi impak yang positif kepada para penggunanya.

Berdasarkan analisis SWOT di Jadual 5.1 dari segi kekuatan, laman web MauSihat ini adalah aplikasi penempahan makanan yang mempunyai elemen kesihatan yang dapat membantu penggunanya memantau setiap pengambilan kalori yang diambil sebelum dan selepas membeli

makanan. Di samping itu, ciri khas yang terdapat didalam laman web ini adalah pengguna dapat menggunakan panduan senaman ringkas yang telah disediakan di dalam laman web MauSihat bagi membantu pembakaran kalori yang telah diambil. Jika diteliti dengan lebih baik lagi, laman web ini juga menyumbang dalam pengawalan penularan Covid-19 oleh kerana sistemnya yang mampu mengelakkan berlakunya kesesakan di kafe Politeknik Seberang Perai. Dengan itu, tidak dapat dinafikan lagi kemunculan laman web MauSihat ini telah banyak memberi impak yang sangat baik bagi setiap penggunanya.

5.3. CADANGAN

Bahagian cadangan ini akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu cadangan penambahbaikan projek inovasi dan cadangan mengkomersialkan projek inovasi.

5.3.1. Cadangan Penambahbaikan Projek Inovasi

Cadangan penambahbaikan merupakan inisiatif lain ataupun idea projek baharu bagi menyempurnakan lagi dapatan kajian didalam bidang yang telah dikaji .

Terdapat tiga cadangan penambahbaikan iaitu :

Cadangan yang pertama adalah menambah ciri terbaru ke dalam laman web MauSihat bagi meningkatkan tahap kualiti lamanweb kami . Ciri yang baru laman web MauSihat ialah mempunyai petak ulasan , di mana pelanggan boleh memberi ulasan dari segi jualan, pesanan, rasa dan kualiti makan.Dengan adanya petak ulasan ini penjual secara tidak langsung dapat menambah baik produk mereka mengikut kemahuan pelanggan.

Cadangan kedua adalah untuk menambah page di dalam laman web MauSihat yang bertujuan untuk memberi peluang bagi pengguna memuat naik video senaman yang mereka peroleh dari laman web kami. Bagi menarik minat pengguna untuk memuat naik video mereka kami akan memberikan reward seperti coins ataupun bawcer kepada para pengguna yang memuat naik video senaman.

Cadangan yang ketiga ialah menambah satu lagi ciri menarik yang berasaskan kesihatan kedalam laman web MauSihat iaitu pengiraan langkah.Pengiraan langkah ini dapat memudahkan para pengguna laman web kami untuk kekal sihat dan dapat digunakan secara percuma.

5.3.2. Cadangan Pengkomersialan Projek Inovasi

Laman web MauSihat menekankan kesihatan kepada semua pengguna dan boleh dikomersialkan kepada pihak syarikat kesihatan ataupun syarikat pemesanan makanan. Laman web ini dapat meningkatkan kesedaran pengguna terhadap kesihatan dalam pengambilan kalori dan mengambil berat tentang nilai BMI sendiri. Laman web ini sesuai digunakan oleh penjual makanan.

5.4. LIMITASI PROJEK

Pengkaji juga menghadapi limitasi atau halangan dalam menjalankan kajian ini. Limitasi merupakan implikasi terhadap bidang kajian yang dikemukakan. Kajian projek terhad hanya dijalankan di Kafe Lama Politeknik Seberang Perai, pemilihan lokasi kajian ini adalah untuk memudahkan penyelidikan, juga dapat menjimatkan kos dan kajian akan lebih focus hanya pada satu lokasi. Selain itu, laman web Mausihat terhad hanya boleh diguna pakai di Kafe Lama Politeknik sahaja. Di samping itu, kaedah pengumpulan data dan kaji selidik hanya dilakukan melalui google form sahaja. Akhir sekali, laman web Mausihat juga memerlukan sambungan internet yang kuat untuk diakses oleh pengguna. Jika pengguna berada di asrama dan tidak mempunyai sambungan internet, maka ia akan menjadi limitasi kepada kami dimana pengguna memerlukan sambungan internet yang kuat untuk menggunakan laman web Mausihat.

5.5. RUMUSAN

Sebelum laman web MauSihat ini dihasilkan, para pelajar perlu menghabiskan masa yang agak lama semasa memesan makanan di kafe Politeknik Seberang Perai. Seterusnya, pelajar juga tidak dapat mengetahui jumlah kalori yang diambil seharian serta tidak pernah mengambil tahu akan senaman. Selain itu, pekerja kafe tidak dapat menyiapkan pesanan makanan dalam masa yang ditetapkan ataupun singkat.

Selepas wujudnya laman web MauSihat ini, ia dapat menjimatkan masa pelajar, ia juga mudah digunakan dan membantu mempercepatkan proses jual beli makanan di kafe politeknik. Seterusnya, mereka juga dapat mengetahui jumlah kalori di dalam makanan yang dibeli di kafe. Di samping itu, inovasi laman web MauSihat yang dibangunkan ini mempunyai pelbagai kelebihannya. Selain itu juga aplikasi ini dapat meningkatkan pengetahuan para pelajar dalam menggunakan teknologi mudah alih. Walaupun di peringkat awalnya, penghasilan inovasi

laman web ini terdapat sedikit kelemahan dan kekurangan, pengkaji berjaya membuat penambahbaikan laman web itu untuk menggunakan fungsinya.

Kesimpulan yang boleh dibuat adalah laman web MauSihat ini dapat memberikan banyak kemudahan kepada pelajar serta pekerja dalam mempercepatkan proses membuat pesanan makanan dan pembayaran di kafe politeknik. Malah, pelajar juga dapat mengetahui jumlah kalori yang diambil seharian dan mengetahui contoh senaman yang boleh dilakukan seperti yang dicadangkan di dalam laman web tersebut. Bukan itu sahaja, para pengguna juga akan menyedari bahawa jumlah kalori juga mempengaruhi kesihatan mereka. Dengan adanya aplikasi ini, imej perniagaan dan keuntungan kafe Politeknik Seberang Perai akan semakin meningkat.

RUJUKAN

- Ahmed, B., & Ahmed, R. R. (2016). "International Conference on Innovation and Emerging Trends in Business Management" *EVALUATION OF SUPPLY CHAIN BASED ON SCOR MODEL THEORY: A CASE STUDY OF FOODPANDA™*. <http://ssrn.com/abstract=2802591>
- Alagoz, S. M., & Hekimoglu, H. (2012). A Study on Tam: Analysis of Customer Attitudes in Online Food Ordering System. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 62, 1138–1143. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.09.195>
- Amran, N. A., & Buang, N. A. (2022). Hubungan Kualiti e-Perkhidmatan Syarikat Penghantar Makanan dengan Kesetiaan Pelanggan (The Relationship of Food Delivery Company e-Services Quality with Customer Loyalty). *Jurnal Dunia Perniagaan*, 4(1), 1–15.
- Bernamea. (2021). Malaysia ada 28 juta pengguna media sosial. In *BHOnline* (pp. 28–32). <https://www.bharian.com.my/bisnes/teknologi/2021/09/867407/malaysia-ada-28-juta-pengguna-media-sosial>
- Bernamea. (2022, March 25). *Satu daripada dua dewasa hadapi masalah berat badan berlebihan* / *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/satu-daripada-dua-dewasa-hadapi-masalah-berat-badan-berlebihan-353655>
- Edelweis Lararenjana. (2021). Sejarah Perkembangan Teknologi dari Masa ke Masa, Tingkatkan Taraf Hidup Manusia. In *Https://Www.Merdeka.Com/* (p. 1). <https://www.merdeka.com/jatim/sejarah-perkembangan-teknologi-dari-masa-ke-masa-tingkatkan-araf-hidup-manusia-kl.html>
- Fatin, N., & Azmi, H. B. (2020). Hotel Food Ordering System Using Qr Code. *Applied Information Technology And Computer Science*, 2(2), 717–729.
- Fhareez, Radzani Abd Razak, M., & Ismail, E. (2021). *Murid Melanau (Level Of Physical Activity Involvement And Melanau Student Body Mass Index)*. 3(1), 355–360. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpc>
- Haque, A. T. M. E., Haque, M., Than, M., Jasni, N. N. B., Azmi, B. A. B., Besar, N. S. B. A., & Ruzani, E. A. B. (2017). Relationship between BMI with the anthropometric measurements and the eating habits of the preclinical medical students of Universiti Kuala Lumpur Royal College of Medicine Perak (UniKL RCMP), Malaysia. *Journal of Global*

Pharma Technology, 9(12), 1–09.

- Hu, T. W., Feng, C. S., & Wen, Y. H. (2020). Process Design and Evaluation of App Interface for Delivery Platform-Take Foodpanda as an Example. *ACM International Conference Proceeding Series*, 1–6. <https://doi.org/10.1145/3442555.3442556>
- Hui, W. F., Betoko, A., Savant, J. D., Abraham, A. G., Greenbaum, L. A., Warady, B., Moxey-Mims, M. M., & Furth, S. L. (2017). Assessment of dietary intake of children with chronic kidney disease. *Pediatric Nephrology*, 32(3), 485–494. <https://doi.org/10.1007/s00467-016-3491-5>
- Iddrisu, M. A., Senadjki, A., Spr, C. R., Yong, H. N. A., Yew, K. T., & Poulsaeman, V. (2022). Factors of Health Promotion Behaviour (HPB) and Elderly Health Diseases in Malaysia. In *Journal of Population Ageing* (Vol. 15, Issue 1). *Journal of Population Ageing*. <https://doi.org/10.1007/s12062-020-09284-5>
- Ipendidikan.MY. (2022). *Cara Mengamalkan Gaya Hidup Sihat*. Ipendidikan.MY. <https://www.ipendidikan.my/cara-mengamalkan-gaya-hidup-sihat.html>
- Khafidhoh, U., Devy, H. S., & Sholihah, R. A. (2022). *Meningkatkan Minat Jual Beli Makanan*. 1, 61–69.
- Komuniti, K., & Gajah, B. (n.d.). *EBOOK senaman kesihatan diri dan kesejahteraan negara noraini nor*.
- Lim, S. (2018). Eating a balanced diet: A healthy life through a balanced diet in the age of longevity. *Journal of Obesity and Metabolic Syndrome*, 27(1), 39–45. <https://doi.org/10.7570/JOMES.2018.27.1.39>
- Liyana Zakaria, N., Ramlan, R., Pengurusan Pengeluaran dan Operasi, J., & Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, F. (2021). Kriteria Keutamaan Kepuasan Pelanggan Terhadap Penghantaran Makanan Pihak ketiga Dalam Talian dalam Kalangan Generasi Wawasan Malaysia di UTHM. *Research in Management of Technology and Business*, 2(2), 342–356. <http://publisher.uthm.edu.my/proceeding/index.php/rmtb>
- Malik, H. (2022). KKM bakal perkenal pelabelan kalori di restoran mulai tahun depan | Astro Awani. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kkm-bakal-perkenal-pelabelan-kalori-di-restoran-mulai-tahun-depan-385493>
- Matisah Musa, Noor Sharina Mohammad Shah, Nurul Sabreena Rosli, S. N. N. I. (2019).

Kesedaran Ibu Bapa terhadap amalan pemakanan seimbang terhadap anak-anak. 1(1), 105–112.

Mohd Husni. (2021). Covid: Penggunaan internet meningkat - Utusan Digital. In *Utusan Malaysia. Dicapai daripada*. <https://www.utusan.com.my/ekonomi/2021/04/covid-penggunaan-internet-meningkat/>

Muhamad Firdaus Rahim. (2021). *Apa kepentingan gaya hidup sihat dalam kehidupan seharian kita?* Hello Doktor. <https://hellodoktor.com/kesihatan/fakta-menarik/mengamalkan-gaya-hidup-sihat/?amp=1>

Nasir, N. C. M., Kamaluddin, M. R., Jasni, M. A., & Pauzi, H. M. (2021). Lebihan Berat Badan Dan Obesiti Dalam Kalangan Kanak-Kanak Dan Remaja: Faktor Risiko Dan Implikasinya. *E-BANGI*, 18(6), 2021. <https://search.proquest.com/openview/3eca6c90cc595a84f1eff6ca3dbcd6db/1?pq-origsite=gscholar&cbl=616374>

Obesity in Adult - PORTAL MyHEALTH. (n.d.). Retrieved October 26, 2022, from <http://www.myhealth.gov.my/en/obesity-in-adult/>

Osman Lisut. (2020a). *Puasa dua hari seminggu cegah obesiti.* Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/wanita/sihat/2020/01/645751/puasa-dua-hari-seminggu-cegah-obesiti>

Osman Lisut. (2020b). *Ubah gaya hidup lebih sihat.* Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/70967>

Penyelidikan, J., & Jilid, D. (2016). *Jurnal Penyelidikan Dedikasi Jilid 10, 2016.* 1–25.

Rahman, A., Sukmawardani, A., & Fahiran, M. N. A. (2022). Implications of Using Grab Food Applications on Consumer Satisfaction. *Journal of Humanities, Social Sciences and Business (Jhssb)*, 1(4 SE-Articles), 1–6. <https://ojs.transpublika.com/index.php/JHSSB/article/view/218>

Rangkaian 5G beri impak teknologi media sosial. (n.d.). <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2022/10/1006829/rangkaian-5g-beri-impak-teknologi-media-sosial>

Shamsuri, A. S. (2022). Malaysia negara paling tinggi obes di Asia Tenggara. *Media Mulia Sdn. Bhd.* <https://www.kosmo.com.my/2022/01/24/malaysia-negara-paling-tinggi-obes-di-asia-tenggara/>

Watson, A. (2020). Coronavirus impact: global device usage increase by country 2020 |

Statista. In *18 Juni 2020* (p. 1). <https://www.statista.com/statistics/1106607/device-usage-coronavirus-worldwide-by-country/>